



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH
جامعة إنسانية
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)
DI MAJLIS PERJUMPAAN REKTOR BERSAMA MAHASISWA/WI
SESI 2016 / 2017**

**PADA : 21 MAC 2016
TEMPAT : DEWAN PERMAISURI TUANKU HAJAH
HAMINAH**

A
21/3/16
- F.W.

TEKS UCAPAN
PERJUMPAAN REKTOR BERSAMA MAHASISWA/WI
SESI 2016/2017

21 Mac 2016 | Dewan Permaisuri Tuanku Hajah Haminah

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.

**ALHAMDULILLAHI RABBIL 'ALAMIN, WASSOLATU WASSALAMU 'ALA RASULILLAH
WA SOHBIHI AJMAI'IN.**

ASSALAMUALAIKUM W.B.T,

YBhg. Prof. Madya Dr. Sharifah Azizah Binti Syed Sahil, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Penyelidikan,

YBhg. Tuan Haji Bukhori Bin Abdullah, Timbalan Rektor Pengurusan, Kewangan & Hal Ehwal Pelajar,

YBhg. Tuan Haji Abdullah Bin Hashim, Pendaftar

YBhg. Encik Mohd Zamri Bin Shahdan, Bendahari,

YBhg. Profesor-Profesor Universiti, Dekan-Dekan Kulliyah, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai kuin,

Dan seterusnya seluruh mahasiswa dan mahasiswi Kolej Universiti Insaniah yang di kasihi sekalian.

Kewujudan Kolej Universiti INSANIAH (KUIN) merupakan titik tolak utama ke arah pembangunan dan kemajuan pendidikan tinggi Islam di Negeri Kedah Darul Aman. Sehingga kini, KUIN terus berkembang dengan jayanya hampir 2 dekad lamanya dan kini KUIN mampu dianggap sebagai sebuah institusi yang sudah melangkaui proses kematangan dan rasionalisasi dalam mendidik generasi melenia mendalami ilmu-ilmu Islam dalam pelbagai cabang ilmu pengetahuan. Seperti yang diketahui, Kedah adalah sebuah negeri yang terkenal dengan taburan pondok-pondok pengajian Islam dan telahpun melahirkan begitu ramai tokoh-tokoh ilmuan Islam yang telah menabur bakti di bumi yang kita cintai ini.

Atas kesempatan ini, saya ingin melahirkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana diberi ruang dan peluang dalam membantu dan memberi sumbangan kepada Negeri Kedah umumnya serta KUIN khususnya dalam melahirkan generasi Al-Quran dimasa hadapan, InsyaAllah.

Sebagai salam perkenalan pertama daripada saya yang telah dilantik sebagai Rektor KUIN, saya ingin mengajak seluruh warga KUIN khususnya kepimpinan dan mahasisiwa bersama membangunkan kolej universiti ini ke mercu kejayaan sejajar dengan moto insaniah *"PENEROKAAN KE ARAH KEBIJAKSANAAN"*.

Bersama visi dan misi KUIN, saya yakin dan percaya kita mampu kehadapan dalam mengejar apa jua yang diinginkan berpandukan Al-Quran dan Al-Hadis yang diwariskan oleh Junjungan Besar kita Nabi Muhammad S.W.A.

Kepimpinan mahasiswa baik diperingkat Majlis Perwakilan Mahasiswa ataupun kepimpinan diperingkat kulliyah, perlu bersama-sama berganding bahu dan tenaga dalam mengetengahkan kepintaran dan keistimewaan yang ada pada pelajar KUIN melalui persatuan atau aktiviti kemasyarakatan, program berunsur intelektual, berteknologi, berdaya saing serta aktiviti sukan yang dapat melonjakan nama KUIN ke persada negeri, negara seterusnya antarabangsa. Mahasiswa perlu mempunyai minda terbuka serta mampu menyampaikan pendapat atau pandangan kepada pelbagai pihak tetapi tidak mengetepikan nilai-nilai akhlak sebagai seorang pelajar yang menuntut ilmu pengetahuan. Sifat rendah diri dan saling bersaing untuk mencapai sesuatu tujuan dan matlamat yang positif adalah digalakan bagi membangkitkan ruh keilmuan yang lahir dalam diri seorang yang bergelar mahasiswa. Ini dapat diterjemahkan dengan pembinaan Bi'ah solehah dan Halaqah Usrah yang berpandukan kepada objektif seperti :

1. Menjana kefahaman dan penghayatan islam
2. Membudayakan diskusi bermanfaat dan perbincangan ilmiah
3. Mengasah bakat kepimpinan dan kepedulian pelajar kepada masalah rakan sebaya
4. Memantau akhlak dan disiplin pelajar melalui unit yang kecil

Saya melihat konsep Biah Solehah yang ingin diterapkan kepada mahasiswa KUIN sangat membantu dari sudut syahsiah diri dan akhlak sebagai Penuntut Ilmu. Budaya We Love KUIN, 3S (senyum, salam, sapa), ukhuwah fillah dan majlis ilmu sangat menepati maksud yang ingin dibawa. Jika ini dapat dibudayakan dikalangan mahasiswa dan juga seluruh warga KUIN saya sangat yakin kita mampu melahirkan insan minda kelas pertama yang meliputi bidang profesional dan juga kerohanian.

Mahasiswa tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian yang diperolehi, setiap mahasiswa perlu ada sifat dahagakan ilmu pengetahuan selain bergiat aktif dalam aktiviti luar kuliah bagi meletakkan diri sebariskan dengan graduan yang mampu bersaing bagi pasaran kerja yang sedia maklum mencabar dan penuh persaingan. Mata Merit yang diperkenalkan oleh HEP sebagai satu platform yang tepat bagi memberikan semangat dan cabaran kepada mahasiswa KUIN untuk bersaing menjadi graduan yang terhehadapan. Saya menyokong penuh pelaksanaan merit ini dan amant menggalakan setiap mahasiswa mengambil peluang bagi memperbaiki potensi diri didala dan diluar kampus.

Dalam konteks ke arah pembangunan KUIN, saya akan berusaha sedaya upaya untuk membawa beberapa pendekatan yang saya begitu yakin mampu membantu membangunkan KUIN ke mercu kejayaan, antara lain ialah :

1. Memperkasakan pentadbiran dan pengurusan yang sedia ada melalui pengstrukturkan semula dan meletakkan tanda aras atau *benchmark* yang sesuai dalam usaha mewujudkan suasana yang harmoni dan produktif dalam aspek aktiviti pengurusan. Contoh yang terbaru dapat dilihat ialah OSSC (One Stop Student Center) Pusat Sehenti Pelajar yang bermatlamat memudahkan urusan mahasiswa dengan menyatukan tempat berurusan bagi pelbagai jabatan bagi memberi kemudahan yang kondusif kepada semua mahasiswa KUIN.
2. Membangunkan dan mengenalpasti bidang yang berpotensi bagi kakitangan akademik melalui peningkatan kepakaran dalam semua disiplin ilmu yang ada di KUIN. Setiap Kulliyah pengajian perlu mengenalpasti kelebihan dan keistimewaan masing-masing dan menterjemahkannya kepada para pelajar bagi memastikan mereka mampu mengharungi cabaran keilmuan dan permikiran. Justeru itu, setiap pentadbiran kulliyah perlu peka dengan perkembangan globalisasi dan masyarakat sekitar dengan berani melakukan beberapa pendekatan yang dirasakan perlu bagi mengembangkan potensi mahasiswa.
3. Memastikan kemudahan pembelajaran yang kondusif dan praktikal dalam misi melahirkan para graduan yang intelek dan berakhlak serta mendokong aspek wasatiah. Penggunaan perpustakaan seharusnya dioptimumkan dikalangan pelajar bukan sahaja bagi mencari bahan rujukan tetapi juga sebagai tempat pencarian ilmu sedunia dalam pelbagai bidang.

4. Berusaha menceriakan suasana dan penambahbaikan kampus Kuala Ketil sebagai “Rumah Ke-2” kepada seluruh warga KUIN dalam usaha pembinaan ilmu pengetahuan yang terkini dan moden melalui beberapa pendekatan iaitu:
 - a. Mempercepat proses pembinaan masjid. Kita dapat mengambil contoh universiti Al-Azhar Mesir sebagai lambang keagungan Islam sebagai sebuah masjid dan juga university terkenal serata dunia.
 - b. Mempercepat proses pembinaan surau Ibnu Sina
 - c. Menambahbaik dan membanyakkan Caferia. Penambahbaikan ini juga dapat diukur disudut kebersihan dan juga sistem penyediaan makanan supaya kelihatan bersih dan sihat untuk menjana minda kelas pertama di KUIN.
 - d. Meningkatkan kemudahan sukan dan riadah untuk pelajar dan kakitangan serta masyarakat sekitar. Contohnya olahraga, sukan air, bola sepak dan segala jenis sukan yang mampu digerakan perlu diberikan kemudahan yang sewajarnya bagi melahirkan warga KUIN yang sihat dan cergas

5. KUIN perlu terus ke hadapan dengan potensi yang ada dan tersendiri hasil dari gabungan pelbagai disiplin ilmu dan pengajian seperti Kulliyah Syariah Dan Undang-Undang, Kulliyah Usuludin, Kulliyah Bahasa Arab, Kulliyah Al-Quran Dan Sunnah dan seiring denga itu juga Kulliyah Muamalat, Kulliyah Perubatan Dan Sains Kesihatan, Kulliyah Teknologi Dan Multimedia Kreatif, Kulliyah Hospitaliti Dan Makanan Halal, Pusat Pengajian Siswazah, Pusat Pengajian Asasi, Pusat Bahasa, Pusat Pengajian Umum Dan Ko-Kurikulum yang diketahui keistimewaannya iaitu setiap satu bidang pengajian diwajibkan menghafal Al-Quran sebagai syarat graduasi bagi setiap mahasiswa. Setiap kulliyah perlu bersaing secara sihat bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti pelajar dalam memastikan keluaran KUIN yang dihasilkan adalah yang terbaik.

6. Penekanan kepada pembangunan bahasa perlu agar setiap mahasiswa dapat menguasai sekurang-kurangnya 2 bahasa utama dengan cemerlang iaitu Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris disamping memperkasakan bahasa ibunda iaitu Bahasa Melayu bagi keperluan masyarakat setempat. Ini akan melonjakan KUIN dipersada antarabangsa selaras dengan keperluan semasa dunia komunikasi dan globalisasi masa kini. Penggunaan bahasa dalam 4 kemahiran asas iaitu mendengar, bercakap, memahami dan menulis harus difokuskan. Bahasa Adalah Lambang Bangsa. Bermula dengan kemahiran berbahasa bakal melahirkan pendebat, pemedato dan juga moderator yang cekap dan petah dalam menyusun ayat dalam pelbagai gaya yang menarik dan menawan.
7. Bakal graduan KUIN perlu digilap supaya mampu memenuhi keperluan industri masa kini demi kepentingan agama dan negara serta masyarakat yang tercinta. Graduan mampu melanjutkan pengajian diperingkat M.A dan jug Ph.D dalam bidang berkaitan diluar negara selain memenuhi keperluan majikan dan pasaran yang sentiasa berkembang dan mencabar.
8. KUIN juga perlu menggamit para Alumni yang dihasilkan supaya tampil menyumbang idea, tenaga dan kebendaan bagi mengenang jasa Kolej Universiti Insaniah yang telah mendidik mereka. Alumni university didunia cukup aktif dan mampu mengumpulkan dana yang besar bagi membantu generasi selepas mereka mengharungi liku-liku pembelajaran di KUIN. Jika kena denga caranya disamping dedikasi yang konsisten kita mampu melihat anak didik kita kembali membantu tempat permulaan kejayaan mereka diluar sana.
9. KUIN juga perlu menjalinkan hubungan rapat dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) supaya dapat menggamit peluang kepada mahasiswa kita. 10 lonjakan PPPM yang diwar-warkan oleh KPM dalam buku mereka ***SOARING UPWARDS Malaysian Higher Education*** bagi menghadapi cabaran masa hadapan seperti:
 - a. Graduan Holistik Berciri Keusahawanan Dan Keseimbangan
 - b. Kecemerlangan Bakat
 - c. Mengahayati Kecemerlanagan Sepanjang Hayat
 - d. Graduan TVET Berkualiti
 - e. Kemampuan Kewangan
 - f. Pemantapan Tadbir Urus

- g. Ekosistem Inovasi
- h. Keunggulan Global
- i. Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global
- j. Tranformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi

Antara cabaran yang bakal dihadapi oleh kita sebagai sebuah institut pendidikan tinggi antara lain :

1. Kuasa Autonomi
2. Kualiti dan Ranking
3. Kerjasama Industri
4. Kemampanan Kewangan
5. Kebolehpasaran graduan
6. Akses, Sokongan EFA & ESD (Pendidikan untuk semua & pendidikan utk pembangunan Lestari)
7. Komersialisasi: R&D Dan Idea
8. Kemahiran Abad Ke-21
9. Kemahiran Komunikasi
10. Perpaduan & Nilai

Akhir sekali, sebagai tunjang utama kearah pembangunan KUIN, saya ingin menyeru dan mengajak semua warga KUIN berganding bahu dan bersatu tenaga seikhlas yang mungkin dalam mendidik anak-anak generasi kita ke mercu kejayaan dan kemenangan. Semoga dengan usaha ini akan ditimbang sebagai amalan soleh kita bersama di Akhirat InsyaAllah. Marilah kita bersama-sama bekerja dengan satu niat yang sama iaitu "Kerja Sebagai Ibadat" kepada Allah Taala dalam pasukan yang dinamik, bersatupadu dan mengamalkan sikap berlapang dada.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh